

**SOALAN NO. 39****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** YANG BERHORMAT TUAN SIVARASA A/L K.  
RASIAH [ SUBANG ]

**TARIKH :** 4 APRIL 2018

**SOALAN :**

**YB Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [ Subang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada selepas keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes Indira Gandhi, Kerajaan akan memperkenalkan pindaan Seksyen 88A Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 pada sesi Parlimen Mac - April 2018 untuk mencerminkan prinsip yang diputuskan iaitu penukaran agama anak-anak kecil atau bawah umur hanya boleh dilakukan dengan persetujuan kedua-dua ibu dan bapa.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sebelum ini telah menggugurkan fasal 88A di dalam Rang Undang-Undang Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Penceraihan) (Pindaan) 2017, kerana tidak mahu berlaku percanggahan dalam mana-mana peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan supaya selaras dengan prinsip *doktrin stare decisis* di mana keputusan Mahkamah tertinggi terhadap pentafsiran Fasal (4) Perkara 12 adalah terikat.

Walau bagaimanapun, dalam kes Indira Gandhi A/P Mutho v. Pengarah Jabatan Agama Islam Perak & Ors. And Other Appeals [2018] 1 MLJ 545, Mahkamah Persekutuan telah mentafsirkan perkataan “parent” dalam Fasal (4) Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan sebagai bermaksud jamak (*plural*) iaitu kedua-dua ibu dan bapa. Tafsiran ini terpakai jika kedua-dua ibu dan bapa masih hidup. Keputusan tersebut mengatasi semua keputusan-keputusan terdahulu dan keputusan terbaharu ini adalah terikat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, apa-apa cadangan untuk menggubal Rang Undang-Undang seperti mana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat adalah merupakan perkara dasar yang akan dipertimbangkan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.